

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Prapaska ke-4

HARAPAN: PERCAYA, HIDUP DAN MEMBERI

TEMA BULANAN:

MENYEMARAKKAN KESAMAAN



Sebuah video sedang menular tentang seorang lelaki menanam dan mencari 100% makanannya. Dia tidak mempunyai tanah sendiri tetapi menggunakan tanah jirannya. Hasil tuaiannya yang banyak turut membantu ramai orang dalam masyarakat. Lelaki itu belum pergi ke kedai untuk makan, juga ke pasar raya untuk mengambil barang runcitnya. Semua yang dia perlukan adalah dari tanamannya. Dia turut mengajar orang lain untuk melakukan perkara yang sama. Ini memberi inspirasi dan harapan kepada kita. Lelaki ini mengajar kita untuk percaya, hidup dan memberi diri.

Image: ©123rf.com

AYAT KITAB SUCI
MINGGU INI:

"Kerana kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Ia mau, supaya kita hidup di dalamnya"

(Ef. 2:10)

Ciptaan mengerang kesakitan. Ia memerlukan penyembuhan dan lelaki ini di Orlando, Florida gigih berusaha tanpa banyak peminat. Sama seperti Santo Yosef yang perayaannya kita sambut pada 19 Mac. Bagaimana pula dengan kita? Hari ini adalah Minggu Sukacita. Gereja ingin kita bersukacita dan bersenang-senang dalam Khabar Gembira: "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Ia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yoh. 3:16).

Bacaan pertama dari Kitab Tawarikh menunjukkan kepada kita kemurkaan Allah disertai dengan belas kasihan-Nya. Orang Israel dalam pembuangan mungkin merasakan penolakan Allah, tetapi Bapa yang Maha Pengasih sudah merencanakan penebusan mereka melalui Raja Persia.

Mari kita belajar dari pelajaran masa lalu. Pemazmur berbicara mengenai ratapan masyarakat dalam pembuanganan di Babel. Menangis dan meratap tidak menolong sesiapa. Virus pemusnah yang tidak dapat dilihat ada di sini bersama dengan kita. Walaupun cara hidup kita telah berubah, kita dapat mengambil langkah untuk menjadikannya lebih baik, seperti orang dalam video tersebut.

Jalan menuju kehidupan yang benar adalah melalui kurniaan Anak Allah. Dalam bacaan ke-2 dari Efesus, Santo Paulus memberitahu kita bahawa "Allah yang kaya dengan rahmat, berkat kasih-Nya yang besar, yang dilimpahkan-Nya kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama dengan Kristus, sekalipun kita telah mati oleh kesalahan-kesalahan kita (seperti orang Israel)." Santo Paulus terus memberitahu kita bahawa "kita ini buatan Allah, diciptakan dalam Kristus Yesus untuk melakukan pekerjaan baik, yang dipersiapkan Allah sebelumnya. Ia mahu supaya kita hidup di dalamnya."

Marilah kita membuat perbezaan kerana kepercayaan kita. Yesus menjelaskan kepada Nikodemus tentang hidup dalam terang-Nya sehingga semua yang kita lakukan dapat dilihat. Kita mesti meninggalkan dunia kegelapan dan dosa untuk menikmati Cahaya Kristus. Semoga kita mencontohi orang dalam video, yang mendedikasikan hidupnya untuk kehidupan masyarakat, dan mengikuti jejak Santo Yosef, seorang lelaki yang rajin dan berani. ✚

AYAT SUCI
MINGGU INI

2 Taw. 36: 14-16,
19-23;

Maz. 136: 1-5;

Ef. 2: 4-10;

Yoh. 3: 14-21.